

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

HMP 403 - Analisis Kontrastif Bahasa-Bahasa di Malaysia

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

Kesemua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Dalam bahasa Inggeris frasa nama yang berhubungan Subjek, Objek Langsung, Objek Tak Langsung, Objek Oblik dan juga Objek Perbandingan dapat direlatifkan secara langsung manakala dalam bahasa Malaysia di antara frasa nama yang tersebut itu hanya frasa nama yang berhubungan Subjek sahaja yang dapat direlatifkan secara langsung. Nyatakan masalahnya yang akan dihadapi oleh penutur bahasa Inggeris yang ingin mempelajari cara membentuk ayat relatif dalam bahasa Malaysia dan bagaimana dapat anda mengatasi masalah itu.

2. Bandingkan dan kontraskan sistem vokal atau sistem konsonan bagi salah satu pasangan bahasa berikut:

SAMA ADA

(a) Bahasa Tamil dengan bahasa Malaysia.

ATAU

(b) Bahasa Jawa dengan bahasa Malaysia.

3. Sesudah kita bandingkan sistem bunyi bahasa Malaysia atau sistem bunyi bahasa Mandarin dengan sistem bunyi bahasa Inggeris, kita dapat bunyi [ɔ] tidak terdapat dalam bahasa Malaysia atau dalam bahasa Mandarin. Bincangkan bagaimana dapat anda mengajar bunyi ini kepada penutur bahasa Malaysia atau penutur bahasa Mandarin yang ingin menyebut kata that [ðæt] dengan betul.

4. Tulis nota pendek bagi tajuk-tajuk yang berikut:
 - (a) pemindahan negatif berlawan dengan pemindahan positif
 - (b) kesilapan (errors) berlawan dengan kesalahan (mistakes).
5. S.P. Corder (1974) dan J.C. Richards (1974) masing-masing membezakan kesilapan antara bahasa (interlanguage errors) dan kesilapan perantara bahasa (intralingual errors). Bincangkan bagaimana analisis kesilapan akan dijalankan atas andaian-andaian yang berlainan itu.
6. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua (B2) menggambarkan perkembangan kecekapan dalam proses pembelajaran bahasa itu. Bincangkan pernyataan tersebut.
7. Pengkritik teori Analisis Kontrastif menyatakan bahawa tuntutan versi kuat dalam peramalan daerah kesukaran dalam pembelajaran bahasa kedua (B2) kurang memuaskan. Bincangkan perkembangan teori Analisis Kontrasitif selanjutnya.
8. Ayat-ayat di bawah dihasilkan oleh pelajar bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua (B2). Jelaskan kesilapan itu dan terangkan strategi/hipotesis yang digunakan untuk menghasilkan ayat-ayat sebegini.
 - (a) *Sekolah di mana dia mengajar terletak jauh dari sini.
 - (b) *Orang yang mana mencuri barang saya telah ditangkap polis.
 - (c) *Esei daripada Encik Ali sangat baik.
 - (d) *Dia memberikan Ahmad buku itu.
 - (e) *Orang ramai diminta menjauhi dari dadah.
 - (f) *Kebun itu belum lagi ditanam dengan pokok pisang.
 - (g) *Orang kampung menghadiahkan saya sebilah keris.
 - (h) *Bumbung rumah itu dijatuhkan buah kelapa.
 - (i) *Polis sudah menahan mereka-mereka yang selalu mencuri barang orang kampung.